

## **SKIM PINJAMAN AM (SPA)**

### **TABUNG PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI PEKEBUN KECIL RISDA**

#### **PENDAHULUAN**

Skim Pinjaman Am Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil ini diwujudkan mengikut 'Peraturan-Peraturan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil' yang diperbuat di bawah Seksyen 6(2)(a)(vi) Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 dan diluluskan oleh YB Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada 7hb April 1984.

#### **1.0 PERLAKSANAAN**

Perlaksanaan Skim Pinjaman Am ini ialah untuk projek-projek '*on-farm*' dan '*off-farm*' dan tertakluk kepada 'Peraturan-Peraturan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil' dan akan dibiayai oleh wang daripada Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil.

#### **2.0 TUJUAN PINJAMAN**

Tujuan Skim Pinjaman Am ini adalah untuk memberi kemudahan pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil bagi menjalankan projek-projek '*on-farm*' dan '*off-farm*'.

Projek '*on-farm*' adalah meliputi semua projek bercorak pertanian termasuk usaha-usaha menternak, menanam tanaman kontan, akuakultur dan lain-lain projek yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil yang dapat dilaksanakan di atas kebun-kebun getah dengan tidak menjejaskan tanaman utama di atas kebun tersebut.

## TATACARA PENGURUSAN TPSEPK

Projek '*off-farm*' adalah meliputi semua projek yang **tidak** bercorak pertanian termasuk usaha-usaha melaksanakan industri-industri kecil, pemasaran, penyimpanan (*storage*), jualan runcit dan lain-lain jenis projek yang berorientasikan pemberian perkhidmatan ataupun lain-lain projek yang diluluskan oleh Jawatankuasa TPSEPK.

### **3.0 KELAYAKAN PEMOHON**

- 3.1 Pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berumur dari 21 tahun hingga 55 tahun. Pinjaman maksima sehingga pemohon berumur 65 tahun.
- 3.2 Pemohon mestilah pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA.
- 3.3 Pemohon perlu menjalani latihan dalam projek yang diusahakan.(salinan sijil-sijil kursus disertakan)
- 3.4 Pemohon perlu menjelaskan hutang lama dengan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil TPSEPK dahulu jika ada.
- 3.5 Pemohon hendaklah bersetuju membenarkan RISDA mengenakan cagaran ke atas hakmilik atau geran tanah mereka atau dengan apa cara sekalipun mengikut budibicara Jawatankuasa Pengurusan Tabung ini untuk pinjaman melebihi RM 10,000.00.
- 3.6 Pemohon hendaklah melantik dua (2) orang penjamin untuk pinjaman kurang daripada RM 10,000.00 dan penjamin tersebut perlu memenuhi syarat iaitu mempunyai pendapatan tetap lebih RM 1,500.00 sebulan. Salah seorang penjamin ialah penjawat awam.
- 3.7 Keutamaan diberi kepada usahawan yang telah mendapat bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan RISDA (AET) dan usahawan yang berdaftar dengan RISDA.

### **4.0 SYARAT-SYARAT AM**

## TATACARA PENGURUSAN TPSEPK

- 4.1 Segala pinjaman yang diluluskan akan dikenakan faedah atau kos perkhidmatan pada kadar 2% setahun atau mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil.
- 4.2 Pemohon hendaklah menyumbangkan sebahagian daripada jumlah kos projek sebagai modal sendiri dan kelulusan maksima yang boleh dipertimbangkan tidak boleh lebih 80% daripada jumlah kos projek.
- 4.3 Pinjaman akan diberi dalam bentuk matabenda atau perkhidmatan dan bayaran wang tunai hanya akan dilaksanakan dengan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan TPSEPK ini.

## **5.0 JENIS-JENIS PROJEK YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENDAPATKAN PINJAMAN**

5.1 Projek-projek yang layak menerima pinjaman di bawah Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil adalah seperti berikut:

### 5.1.1 Projek-Projek 'on-farm'

- Tanaman kontan
- Ternakan haiwan termasuk ayam daging/telur, kambing dan biri-biri.
- Ikan air tawar termasuk udang.

### 5.1.2 Projek-Projek 'off-farm'

- Perusahaan kecil termasuk kedai runcit dan bengkel perabot.
- Perniagaan pertanian termasuk kerja borongan hasil pertanian, pemprosesan bahan bahan makanan dan lain-lain.

## 6.0 CARA MEMOHON

- 6.1 Permohonan pinjaman hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh RISDA sahaja iaitu [Borang SPA MS1/6 – MS6/6.](#)
- 6.2 Segala permohonan pinjaman untuk keperluan projek hendaklah disokong dengan satu (1) kertas kerja atau Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap berhubung dengan pelaksanaan projek itu. Kertas kerja tersebut hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:
- i. Latar Belakang Pemohon- Pengetahuan, pengalaman dan keupayaan
  - ii. Latar Belakang Syarikat
  - iii. Maklumat mengenai perniagaan yang sedang dijalankan- Latar Belakang , Pengurusan dan Lokasi Projek
  - iv. Sumber Bekalan
  - v. Ulasan tentang kesesuaian tapak projek
  - vi. Pemasaran
  - vii. Maklumat kewangan
    - Unjuran Aliran Tunai Projek Tahun Ke 5/7/10 (Tahun Pertama Secara Bulanan)
    - Aliran Tunai Tahun Sebelum Pinjaman (Bulanan)
    - Penyata Untung Rugi Projek Dan Kunci Kira-Kira 3 Tahun Sebelum Pinjaman (Sesuaikan Dengan Tempoh Projek)
    - Anggaran Penyata Untung Rugi Tahun Ke 5/7/10 Selepas Pinjaman
  - viii. Maklumat pelan tindakan yang dicadangkan untuk projek/ perancangan perniagaan yang akan dijalankan

## TATACARA PENGURUSAN TPSEPK

- ix. Maklumat tujuan pinjaman
- x. Maklumat mengenai penjamin/cagaran
- xi. Rumusan/penutup

6.3 Setiap permohonan perlu disertakan salinan dokumen sokongan berikut untuk tindakan urusetia TPSEPK;

- i. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
- ii. Salinan Surat Tanam Semula Dan salinan Geran Tanah Sebagai Bukti Pekebun Kecil/Ahli Isirumah
- iii. Pinjaman sehingga RM 10,000
  - Salinan Kad Pengenalan 2 Orang Penjamin
  - Salinan Slip Gaji Penjamin, gaji minima RM 1,500.00,(Salah seorang penjawat awam)
- iv. Pinjaman lebih RM10,000
  - Salinan Geran Tanah Yang Dicagarkan
  - Surat Kebenaran Pemilik Tanah Untuk Mencagarkan Tanah Miliknya.(Jika Berkaitan)
  - Anggaran Nilai Tanah/Bangunan Yang Dicagarkan dan Laporan Penilaian Harta jika pinjaman diluluskan.
- v. Penyata Bank 3 Bulan Terkini (Jika Pinjaman melebihi RM10,000)
- vi. Gambar-Gambar Pemohon, Produk, Premis, Peralatan
- vii. Sebutharga Barangan, Mesin dan Keperluan Pinjaman dari pembekal.
- viii. Surat Kebenaran Penyewaan Tapak Projek (Jika Berkaitan)
- ix. Salinan Lesen Perniagaan dari pihak berkuasa tempatan dan Pendaftaran Syarikat (SSM) dan masih sah laku.

## TATACARA PENGURUSAN TPSEPK

- x. Sijil Kursus-Kursus Yang Pernah Diikuti yang berkaitan dengan perniagaan.
- 6.4 Jawatankuasa Pengurusan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil akan memberi pertimbangan ke atas setiap permohonan yang diterima dan keputusan adalah muktamad dan Jawatankuasa tidak terikat memberi apa-apa alasan jika ada permohonan yang tidak diluluskan.
- 6.5 Bagi pemohon yang diluluskan untuk mendapatkan pinjaman, Jawatankuasa TPSEPK akan menetapkan jadual bayaran balik dan cara pembayaran pinjaman, jangkamasanya, jenis cagaran atau penjamin-penjamin yang diperlukan.